

Berfikirlah mengenai…

## Keupayaan Sahsiah Diri

Berkeupayaan sahsiah diri bererti "berkeupayaan untuk membuat pilihan dan mengambil keputusan bagi mempengaruhi keadaan dan untuk membawakan kesan kepada persekitaran alam dunia seseorang". (*Early Years Learning Framework,* hlm. 45).

Sewaktu kanak-kanak mula membinakan perasaan sahsiah diri, mereka akan menyedari bahwa mereka berkeupayaan untuk membuat keputusan mereka sendiri dan untuk mengawal kehidupan diri masing-masing. Memiliki perasaan keupayaan sahsiah diri merupakan sebahagian penting daripada usaha untuk mewujudkan perasaan jati diri yang kuat di dalam diri mereka.

*Bagaimanakah caranya anda membantu kanak-kanak untuk membinakan perasaan keupayaan sahsiah diri mereka?*

*Apakah peluang-peluang yang ada di dalam keadaan persekitaran anda bagi kanak-kanak untuk membuat keputusan yang bermakna dan pilihan-pilihan mengenai perkara-perkara yang akan membawa kesan kepada diri mereka sendiri?*

*Apakah aspek-aspek di dalam sesebuah hari bagi kanak-kanak, yang dapat dikawal oleh diri mereka sendiri?*



# Berfikirlah mengenai …

## **Kecenderungan pembelajaran**

Kecenderungan bererti sikap terhadap kehidupan. Ia biasanya merujuk kepada cara bagaimana kita biasanya bertindak terhadap sesebuah keadaan. Kita mungkin bersifat segan atau peramah, berusaha jaya atau mudah mengalah, bergiat cergas atau lebih mendiamkan diri. Kesemua sifat-sifat ini merupakan apa yang dikenali sebagai kecenderungan.

EYLF bertujuan untuk menggalakkan sifat-sifat kecenderungan yang memberangsangkan pembelajaran, misalnya sifat ingin-tahu, bekerjasama, sifat kreatif, kecekalan dan berusaha jaya.

*Bagaimanakah caranya anda menggalakkan perkembangan sifat-sifat kecenderungan ini?*

*Bagaimanakah anda menggalakkan kanak-kanak di dalam persekitaran anda untuk menjadi kreatif dan bersemangat ingin-tahu?*

*Bagaimanakah anda membantu kanak-kanak untuk mengembangkan sifat ketabahan dan kecekalan mereka?*

*Bagaimanakah anda membantu kanak-kanak yang berada di dalam penjagaan anda untuk menjadi lebih berkeyakinan diri dan menjadi pelajar yang lebih melibatkan diri?*


Haylee Comber
SCOOBY -DOO!

# Berfikirlah mengenai …
# **Kaedah Pengajaran (Pedadogy)**

Kaedah Pengajaran atau “Pedadogy” menerangkan “seni pengajaran”. “Pedadogy” adalah cara bagaimana kita bekerja dengan kanak-kanak. Ianya termasuklah apa yang kami lakukan, bagaimana kami melakukannya, dan bagaimana kami berfikir mengenai apa yang kami lakukan. “Pedadogy” kami biasanya adalah berdasarkan sebuah pengadunan pegangan kami, pengalaman kami, dan pengetahuan ikhtisas kami mengenai kanak-kanak dan pendidikan.

EYLF menggalakkan kita untuk menilai-kembali “pedadogy” kami bagi memastikan agar kami telah berfikir dengan teliti mengenai apa yang sedang kami lakukan. Kami sepatutnya tahu sebab-musabab disebalik apa yang kita lakukan, dan bukannya hanya melakukan sesuatu hanya kerana “sudah selalu begini caranya”. Dengan sering menilai-kembali apa yang kita lakukan, kami akan dapat memastikan bahwa “pedadogy” kami adalah sesuai dengan tuntutan terkini dan juga berkesan.

*Fikirkanlah mengenai “pedadogy” diri anda sendiri, atau cara anda bekerja dengan kanak-kanak. Sekiranya anda perlu menerangkannya kepada orang lain, apakah yang anda akan katakan?*

*Apakah yang anda akan gariskan sebagai unsur-unsur yang paling mustahak di dalam apa yang anda lakukan?*


DAD'S
LITTLE

# Berfikirlah mengenai …

## Pengajaran Berniat

"Berniat" bererti memiliki sesebuah tujuan atau sebab bagi apa yang kita lakukan. Pengajaran berniat adalah mengenai memiliki sebuah tujuan atau sebab bagi apa yang kita lakukan di dalam kerja kami dengan kanak-kanak. Apabila kita "berniat", kami mempunyai idea di dalam minda kami mengenai mengapa kami melakukan sesuatu, dan mengenai apakah yang ingin kami capai. Memiliki "niat" adalah penting kerana apabila kita mempunyai sesebuah hala-tuju di dalam minda kami, kami akan lebih cenderung untuk mencapai apa yang kami ingin laksanakan.

*Fikirkanlah mengenai persekitaran tempat kerja anda. Berapa banyakkah apa yang anda laksanakan sebenarnya dilakukan dengan "berniat"?.*

*Fikirkanlah bagaimanakah anda "berniat" – apakah sebab-sebab di sebalik apa yang anda lakukan?*



# Berfikirlah mengenai …
## **Kecekapan Budaya**

Kecekapan budaya bererti memahami budaya dan latarbelakang kita sendiri, dan pada masa yang sama, menghormati dan bersifat terbuka terhadap budaya-budaya lain.

Berkecekapan budaya membantu kita untuk mengiktirafi betapa pentingnya peranan yang dimainkan oleh budaya dalam pegangan kepercayaan kami dan cara kita menjalankan kegiatan kami. Ianya juga membantu kami untuk memahami kepentingan budaya kepada pihak-pihak lain.

Budaya merupakan tunggak kepada perasaan "kewujudan diri" dan "perasaan penerimaan" kami, dan juga kepada perasaan jati diri kami. Sekiranya kanak-kanak sepatutnya merasai bahwa mereka sememangnya dialu-alukan dan sepatutnya membina sebuah perasaan jati diri bagi diri mereka sendiri, maka kami perlu memikirkan cara bagaimana setiap budaya mereka dapat diperlihatkan di dalam apa yang kita laksanakan.

*Fikirkanlah mengenai latarbelakang budaya anda sendiri – bagaimanakah ianya membentuk kepercayaan dan cara anda menjalankan kegiatan kamu?*

*Di manakah para kanak-kanak dan keluarga di dalam perkhidmatan anda boleh memperolehi penghayatan budaya mereka di dalam alam persekitaran dan kegiatan seharian mereka?*



# Berfikirlah mengenai …
# **Tahap-Tahap Perubahan dan Penyesuaian**

Sepanjang zaman kanak-kanak mereka, kanak-kanak mengalami beberapa tahap perubahan dan penyesuaian. Sesetengah tahap perubahan dan penyesuaian ini sememangnya agak besar – misalnya, memulakan persekolahan atau tabika atau taska buat kali pertama. Ada pula yang agak kecil – contohnya, berpindah dari sebuah bilik ke bilik yang lain di dalam sebuah pusat perkhidmatan yang besar, atau menukar perkhidmatan. Kesemua ini merupakan titik-titik yang penting di dalam kehidupan seseorang kanak-kanak.

Perubahan dan penyesuaian menawarkan peluang dan cabaran. Sebagai pendidik, tugas kami adalah untuk membantu kanak-kanak (dan keluarga mereka) untuk melaksanakan perubahan dan penyesuaian ini dengan seberapa lancar dan berjaya yang mungkin.

*Fikirkanlah mengenai kesemua perubahan dan penyesuaian yang akan dibuat oleh kanak-kanak yang berada di bawah penjagaan anda. Apakah yang anda boleh lakukan untuk membantu mereka agar setiap perubahan dan penyesuaian tersebut dapat dilaksanakan dengan selancar dan selesa yang mungkin?*

*Bagaimanakah anda akan melibatkan para keluarga sekalian untuk bersiap-sedia bagi menghadapi perubahan dan penyesuaian ini?*



# Berfikirlah mengenai… **Kerangka**

Kerangka adalah struktur sementara yang digunakan untuk menyokong sesebuah bangunan sewaktu ianya sedang dibina atau diperbaiki. Ianya membantu untuk mengekalkan keadaan bentuknya sehinggalah saat apabila bangunan tersebut dapat berdiri dengan sendirinya.

Di dalam pendidikan, kerangka merujuk kepada kaedah bagaimana para pendidik dapat membantu untuk menyokong dan melanjutkan pembelajaran kanak-kanak. Seperti juga kerangka pada sesebuah bangunan, penglibatan, pertanyaan, dan cadangan teliti kami, dapat membantu untuk menyokong pembelajaran kanak-kanak semasa ianya sedang berlangsung. Dengan sokongan kami, pembelajaran kanak-kanak seringkalinya akan menjadi lebih bererti dan lebih berharga berbanding dengan sebaliknya.

*Fikirkanlah mengenai cara bagaimana anda menyokong (atau menjadi "kerangka" kepada) pembelajaran kanak-kanak - bagaimanakah anda tahu pada ketika bilakah seharusnya anda melibatkan diri anda, untuk menanyakan sesuatu soalan, atau memberikan ulasan atau cadangan, dan bila pula untuk hanya memerhatikannya sahaja?*

*Bagaimanakah anda menanyakan soalan atau memberikan cadangan yang menggalakkan pemikiran kanak-kanak, dan bukannya untuk menghentikannya?*



# Berfikirlah mengenai …

## Kelangsungan perkongsian pemikiran

Apabila kanak-kanak berpeluang untuk menyiasat dan menyelesaikan masalah sesama mereka sendiri dan dengan orang dewasa yang menyokong mereka, pemikiran dan pembelajaran mereka akan menjadi lebih mendalam dan kompleks. Proses bekerjasama inilah yang diertikan sebagai "kelangsungan perkongsian pemikiran". Kajian terhadap "kelangsungan perkongsian pemikiran" menunjukkan bahwa pembelajaran akan paling berkesan bila:

- ianya merupakan sebuah pengalaman yang dikongsi bersama;
- para pendidik melibatkan diri mereka di dalam kegiatan permainan kanak-kanak sebagai "kerangka" atau membantu dalam menyokong pembelajaran mereka; dan
- kanak-kanak diberikan jangka waktu yang lama di dalam mana mereka dapat melibatkan diri mereka di dalam kegiatan permainan dan penyelesaian masalah.

*Fikirkanlah mengenai peluang-peluang bagi kanak-kanak di dalam penjagaan anda untuk melibatkan diri mereka di dalam kelangsungan perkongsian pemikiran – di mana dan bilakah ianya terjadi?*

*Berapa seringkah anda dapat benar-benar melibatkan diri anda di dalam menyelesaikan masalah secara berkongsi dengan seseorang kanak-kanak atau sekumpulan kanak-kanak? Bagaimanakah anda melibatkan diri anda tanpa mengambilalihkannya?*



# Berfikirlah mengenai …**Ketabahan Diri**

Memiliki ketabahan diri – yakni berkemampuan untuk menegakkan diri kembali daripada tekanan dan kekecewaan – adalah salah-satu daripada penentu terbaik bagi kejayaan masa hadapan kanak-kanak. Ketabahan diri merupakan sebahagian penting daripada kejatian diri (Hasil EYLF 1) dan kesejahteraan (Hasil EYLF 3), dan membenarkan kanak-kanak untuk berusaha tekun dan berjaya tatakala menghadapi kesukaran.

Sifat-sifat penting seperti ketabahan diri bukannya senang untuk "diajar". Ia lazimnya dibina seiring dengan perjalanan masa melalui banyak pengalaman dan melalui jalinan hubungan yang berkembang antara kanak-kanak dan pendidik mereka yang berperihatin.

*Fikirkanlah mengenai perkara yang anda lakukan bagi membantu kanak-kanak untuk memiliki ketabahan diri – bagaimanakah anda menggalakkan kecekalan, sifat positif, dan perasaan yakin diri?*

*Bagaimanakah jalinan hubungan yang anda ada dengan kanak-kanak dapat membantu mereka untuk menjadi lebih tabah?*



# Berfikirlah mengenai … **Kurikulum**

EYLF mentakrifkan kurikulum atau kerangka ilmu teras sebagai semua yang berlaku di dalam sesebuah hari. Ianya merupakan "semua interaksi, kerja lazim dan acara, yang dirancang dan tidak dirancang, yang berlaku di dalam sesebuah persekitaran yang telah direka untuk memupuk pembelajaran dan perkembangan kanak-kanak". (*Early Years Learning Framework,* hlm.9).

Pentakrifan sebegini luas ini menggalakkan kami untuk berfikir mengenai "kurikulum" dari sudut berbeza. Ia sebenarnya adalah lebih daripada sekadar pengalaman atau kegiatan yang kami rancangkan atau usahakan secara sengaja. Kegiatan lazim dan acara-acara harian dapat menawarkan peluang bagi pembelajaran yang berharga sama juga seperti kegiatan yang disampaikan pada waktu-waktu lain di dalam sesebuah hari.

*Fikirkanlah mengenai "kurikulum" di dalam perkhidmatan anda – apakah yang terkandung di dalamnya?*

*Adakah ianya lebih daripada kegiatan-kegiatan yang dirancangkan terlebih dahulu sahaja?*

*Bagaimanakah anda menggunakan kegiatan lazim seperti waktu makan sebagai sebahagian daripada pengalaman pembelajaran?*

*Bagaimanakah anda memasukkan interaksi dan jalinan hubungan di dalam perancangan kurikulum anda?*


CRL

# Berfikirlah mengenai … **Semangat Penerimaan**

“Semangat penerimaan” adalah bertujuan untuk memastikan agar semua orang berasa bahwa mereka dialu-alukan, dihargai dan diterima, tanpa mengira umur, budaya, latarbelakang atau keupayaan mereka.

Bersemangat penerimaan bererti ianya memastikan bahwa semua orang akan dilayan secara adil dan saksama dan bahwa tiada seorang pun yang akan ketinggalan. Kadangkalanya perlaksanaan semangat penerimaan digunakan untuk merujuk khusus kepada cara bagaimana kami bekerja dengan kanak-kanak yang mempunyai keperluan tambahan. Di dalam EYLF, ianya digunakan berkaitan dengan cara bagaimana kami bekerja dengan semua kanak-kanak dan ianya berkait rapat dengan idea “perasaan penerimaan”.

Ianya amat sukar bagi anda untuk merasai bahwa anda diterima jika anda tidak disertakan bersama.

*Fikirkanlah mengenai apakah ertinya penerimaan bagi anda - bagaimanakah anda memastikan agar tiada seorang pun yang akan berasa ketinggalan?*

*Bagaimanakah anda bertindak kepada sesuatu keadaan atau kelakuan yang tidak adil?*

*Bagaimanakah anda membantu kanak-kanak untuk mengenali apakah yang adil dan apakah yang tidak?*

*Bagaimanakah anda menyokong kanak-kanak untuk bertindak terhadap nilai-nilai, keperluan dan keupayaan mereka yang lain?*



# Berfikirlah mengenai… **Muhasabah Diri**

Muhasabah diri merupakan salah-satu prinsip dasar yang mendokong dan memperkasakan EYLF.Muhasabah diri mengehendaki kita untuk menanyakan soalan-soalan terhadap diri kami sendiri mengenai apa yang kita lakukan dan bagaimanakah kita melakukannya. Ianya bermakna:

- Bersifat jujur terhadap diri anda mengenai apa yang anda lakukan;
- Bersifat terbuka untuk menerima cara-cara yang berlainan untuk melaksanakan sesuatu; dan
- Bersifat sanggup untuk mengubah cara anda melakukan sesuatu.

Tanpa muhasabah diri, kami lebih cenderung untuk melakukan sesuatu dengan cara yang sama sebagaimana yang kami sudah melakukannya sebelum ini. Latihan muhasabah diri membantu kami untuk mengetahui apakah yang kami lakukan dan mengapa kami melakukannya. Ianya membantu kami untuk membuat keputusan yang bererti yang mengambil kira kepentingan para kanak-kanak dan keluarga-keluarga sekalian.

*Bagaimanakah anda melibatkan diri anda dalam latihan muhasabah diri di dalam tempat kerja anda?*

*Bagaimanakah anda memastikan agar masa diluangkan untuk berbual-bual dan berbincang dengan rakan-rakan sekerja anda?*

*Bagaimanakah caranya mereka semua menyumbang kepada muhasabah diri?*



# Berfikirlah mengenai… **Sudut Pandangan Orang Aborigin dan Kepulauan Selat Torres**

Pendidikan awal kanak-kanak memainkan peranan yang cukup penting dalam menyokong para keluarga Orang Aborigin dan Kepulauan Selat Torres untuk berasa yakin dari segi budaya di dalam persekitarannya.

Bagi kanak-kanak Orang Aborigin dan Kepulauan Selat Torres, pendidikan awal kanak-kanak merupakan langkah pertama yang cukup penting di dalam mengecapi kejayaan pendidikan. Bagi kanak-kanak bukan berlatarbelakangkan Orang Aborigin, pendidikan awal kanak-kanak menawarkan peluang bagi mereka untuk berkecimpung dengan dan untuk mula memahami betapa pentingnya budaya dan sudut pandangan Orang Aborigin dan Kepulauan Selat Torres tersebut kepada masyarakat Australia secara keseluruhannya.

*Fikirkanlah mengenai bagaimanakah aspek-aspek kebudayaan dan ilmu pengetahuan Orang Aborigin dan Kepulauan Selat Torres dapat dimasukkan ke dalam apa yang anda laksanakan?*

*Bagaimanakah anda dapat membantu semua kanak-kanak di bawah jagaan anda untuk memahami dan menghormati kebudayaan dan cara bagaimana Orang Aborigin dan Kepulauan Selat Torres melakukan sesuatu?*

*Sekiranya anda bekerja secara langsung dengan kanak-kanak Orang Aborigin atau Kepulauan Selat Torres, bagaimanakah anda mewujudkan perasaan penerimaan dan mengalu-alukan bagi mereka, keluarga mereka, dan masyarakat mereka?*



Bercakaplah mengenai…

# Perasaan Penerimaan

“Pengalaman perasaan diterima - yakni mengetahui asal-usul anda dan bersama siapakah anda sebenar-benarnya diterima - adalah unsur tunggak kesebatian di dalam perasaan kewujudan seseorang insan”. (*Early Years Learning Framework*, hlm.7).

*Fikirkanlah mengenai sesebuah tempat di mana anda merasai kaitan yang sungguh rapat. Cuba kongsikan perasaan ini dengan orang lain. Apakah yang memberikan anda perasaan bahwa anda sudah diterima?*

*Berapa pentingkah perasaan ini kepada anda?*

*Bagaimanakah anda boleh membantu dalam membawa perasaan penerimaan anda yang serupa ke dalam kerja anda dengan kanak-kanak?*



# Bercakaplah mengenai …
# **Kewujudan Diri**

Zaman kanak-kanak merupakan masa untuk menyelami kewujudan diri, untuk mencari dan membawa pengertian kepada dunia ini". (*Early Years Learning Framework*, hlm.7).

EYLF menyokong dengan sekuat-kuatnya hak kanak-kanak untuk menyelami "kewujudan diri" mereka. Menyelami kewujudan diri ertinya memiliki masa dan ruang di dalam mana anda boleh menyelami apa sahaja yang anda sedang lakukan. Ianya bererti memberi peluang kepada kanak-kanak untuk menjadi diri mereka sendiri, dan bukannya untuk senantiasa menggesa mereka untuk mengorak langkah ke masa hadapan.

*Bercakaplah mengenai bilakah dan di manakah kanak-kanak tersebut berpeluang untuk menyelami "kewujudan diri" mereka sewaktu mereka berada di dalam perkhidmatan anda. Bagaimanakah anda boleh memperseimbangkan struktur dan jadual yang diperlukan bagi hari anda dengan keadaan menyelami "kewujudan diri" yang tidak berstruktur?*

*Apakah yang anda boleh lakukan untuk menyediakan ruang waktu tambahan bagi mereka untuk menyelami "kewujudan diri" dalam sesebuah hari?*



# Bercakaplah mengenai…
# **Pengewujudan Diri**

Idea “Pengewujudan Diri” mengehendaki kami untuk memikirkan masa hadapan setiap kanak-kanak. Keseluruhan kehidupan kanak-kanak kecil terbentang meluas di hadapan mereka. Apa yang terjadi di dalam zaman awal seseorang kanak-kanak akan membantu membentuk sahsiah diri mereka sendiri nanti. Apabila kami mengiktiraf dan membimbing potensi kanak-kanak, kami sekaligus menyokong kejayaan dan kebahagiaan masa hadapan mereka.

*Bercakaplah mengenai bagaimana idea “pengewujudan diri” sememangnya terbimbing di dalam perkhidmatan anda. Apakah yang anda lakukan yang akan membantu setiap kanak-kanak untuk mengembang dan merealisasikan potensi mereka?*

*Bagaimanakah idea-idea mengenai perasaan penerimaan, kewujudan diri dan pengewujudan diri saling berhubung-kait di antara satu sama lain?*

*Apakah peranan yang dimainkan oleh perasaan penerimaan dalam pengewujudan diri?*

*Bagaimanakah anda boleh mengekalkan peluang setiap kanak-kanak untuk menyelami “kewujudan diri” mereka, dan pada waktu yang sama menumpukan perhatian juga kepada masa hadapan mereka?*



# Bercakaplah mengenai…
# **Jalinan Hubungan**

"Apabila kanak-kanak berasa selamat, terlindung dan disokong, mereka akan membesar dengan semangat keyakinan untuk meneroka dan belajar" (*Early Years Learning Framework,* hlm.20).

Jalinan hubungan yang selamat, terlindung dan disokong merupakan kewajipan yang mustahak bagi proses pembelajaran kanak-kanak.

*Bercakaplah dengan rakan-rakan anda mengenai cara bagaimana anda boleh menyokong jalinan hubungan antara kanak-kanak di bawah didikan anda. Bagaimanakah anda menyediakan "rancangan" untuk mewujudkan jalinan hubungan ini?*

*Apakah yang anda lakukan untuk memupuk pembentukan jalinan persahabatan?*

*Bagaimanakah anda membantu kanak-kanak ini untuk mengembangkan kemahiran sosial yang mereka perlukan untuk menjadi sebahagian daripada sesebuah kumpulan?*



# Bercakaplah mengenai …
# **Penilaian**

Penilaian merupakan alat yang penting untuk membantu kami dalam merancang dan menyokong pembelajaran kanak-kanak.

Melalui penilaian yang cermat dan prihatin, kami:

- boleh mengumpulkan maklumat yang diperlukan bagi perancangan yang berkesan;
- boleh bercakap dengan para keluarga sekalian mengenai pembelajaran anak-anak mereka;
- boleh meninjau perkembangan kanak-kanak dan membuat keputusan mengenai cara yang paling elok bagi kami untuk mendorong kemajuan mereka; dan
- boleh menilai sama ada apa yang kami lakukan berhasil atau sebaliknya.

*Bercakaplah mengenai cara bagaimana anda menilai kemajuan dan pembelajaran kanak-kanak. Apakah maklumat yang anda kumpulkan, dan bagaimana anda mengumpulkannya? Bagaimanakah anda memastikan agar perlaksanaan penilaian tersebut merupakan sebuah proses yang positif? Bagaimanakah anda mengukur jarak "perjalanan yang dicapai" oleh setiap kanak-kanak? Bagaimanakah cara anda menilai pembelajaran kanak-kanak berhubung-kait dengan hasil pembelajaran EYLF?*



# Bercakaplah mengenai…
# **Hasil-Hasil Pembelajaran**

Bekerja selaras dengan hasil-hasil pembelajaran memerlukan kami untuk melaksanakan perancangan bagi pembelajaran dan perkembangan yang berterusan bagi kanak-kanak sekalian. Kita perlu memikirkan cara bagaimana kami boleh membina jalinan hubung-kait antara pengalaman-pengalaman yang dialami oleh kanak-kanak agar pembelajaran mereka dapat dimantapkan seiring dengan perjalanan masa.

Jati diri, kesejahteraan diri, jalinan hubungan, sikap terhadap pembelajaran dan komunikasi yang berkesan kesemuanya akan dipertingkatkan dan diperkembangkan melalui pelbagai pengalaman yang bermakna seiring dengan perjalanan masa.

*Bincangkanlah cara bagaimana anda merancang bagi pembelajaran seiring dengan perjalanan masa.*

*Adakah anda membuat perancangan jangka masa panjang dan juga jangka masa pendek? Bagaimanakah apa yang anda lakukan berhubung-kait dari minggu-ke-minggu dan dari bulan-ke-bulan? Bagaimanakah anda merancangkan pembelajaran kanak-kanak berseiringan dengan hasilnya? Bagaimanakah anda menilai sama ada hasil-hasil tersebut sememangnya tercapai?*



Inspired by our Garden
CLAY

# Bercakaplah mengenai... **Pendokumentasian**

Pendokumentasian adalah rekod yang kita simpan mengenai pembelajaran kanak-kanak. Dengan merakamkan apa yang dibuat oleh kanak-kanak tersebut, kami akan dapat menilai, mempertimbang dan merancang secara lebih baik untuk pembelajarannya di masa hadapan. Maklumat yang kita rakamkan di dalam pendokumentasian kami sepatutnya akan dapat membimbing kami di dalam perancangan kami mengenai apa yang perlu dilaksanakan seterusnya. Pendokumentasian yang jelas dan mudah difahami juga merupakan sebuah cara yang penting untuk berkongsi maklumat dengan keluarga-keluarga dan pihak-pihak lain sekalian mengenai kemajuan kanak-kanak tersebut.

Pendokumentasian termasuklah pemerhatian dan analisa mengenai pembelajaran kanak-kanak, gambar atau contoh hasil kerja mereka, dan sebarang rekod lain yang boleh membantu dalam merakamkan kemajuan kanak-kanak tersebut masing-masing.

*Bagaimanakah anda merakamkan pembelajaran kanak-kanak pada ketika ini? Bagaimanakah anda memastikan agar maklumat yang anda kumpulkan sememangnya bersesuaian dan bermakna? Bagaimanakah ianya membantu anda untuk menilai pembelajaran kanak-kanak tersebut, dan untuk merancang apa yang perlu dilaksanakan seterusnya? Apakah peluang yang ada untuk berbincang dan berkongsi pendokumentasian sebagai sebuah pasukan? Dan dengan para keluarga sekalian?*


My Family
Katrine's children
Harry and Isabelle

# Bercakaplah mengenai…

## Jati Diri

Perasaan jati diri yang kuat memainkan peranan yang cukup penting di dalam pembelajaran kanak-kanak. Apabila kanak-kanak mengenali diri mereka sendiri, dan bersemangat yakin di dalam diri mereka sendiri, mereka akan dapat belajar dan menjalinkan hubungan dengan orang lain dengan lebih baik. Namun begitu, perasaan jati diri merupakan sesuatu yang kompleks. Perasaan jati diri agak berbeza dari seorang ke seorang, dan apa yang digambarkan sebagai perasaan jati diri juga berlainan pada tahap-tahap umur yang berbeza.

*Bercakaplah mengenai apakah ertinya perasaan jati diri kepada diri anda sendiri, dan apakah gambarannya yang anda dapat berikan?*

*Bagaimanakah anda boleh meninjau kekuatan perasaan jati diri di dalam seseorang kanak-kanak?*

*Fikirkanlah mengenai kumpulan umur kanak-kanak di bawah penjagaan anda, bercakaplah mengenai apakah rupa bentuk perasaan jati diri yang mungkin digambarkan pada tahap umur yang berlainan - di dalam seorang bayi? Seorang anak kecil? Seorang anak berumur lima tahun?*



# Bercakaplah mengenai … **Kesejahteraan Diri**

"Kesejahteraan diri termasuklah kesihatan tubuh badan yang baik, perasaan kebahagiaan, kepuasan hati dan kefungsian sosial yang berjaya … perasaan kesejahteraan yang kuat memberikan kanak-kanak semangat keyakinan dan sikap memandang cerah yang akan memaksimakan potensi pembelajaran mereka". (*Early Years Learning Framework*, hlm. 30).

Kesejahteraan diri adalah mengenai perasaan baik yang anda miliki mengenai diri anda sendiri. Ianya berhubung rapat dengan perasaan jati diri dan kepada perasaan penghormatan dan penghargaan diri. Ianya juga termasuklah kecerdasan tubuh badan, makanan berkhasiat dan kesihatan - yang mana kesemuanya memberikan sumbangan besar kepada cara bagaimana kita berasa mengenai diri kita sendiri.

*Bagaimanakah program anda memupuk semangat kesejahteraan diri di dalam kanak-kanak tersebut?*

*Sebagai sebuah pasukan, berbincanglah mengenai cara bagaimana kanak-kanak dapat mempelajari cara untuk berasa baik mengenai diri mereka sendiri dan kebolehan mereka masing-masing.*

*Bagaimanakah program anda dapat memupuk perkembangan tubuh badan setiap kanak-kanak dan kesedarannya mengenai gaya-hidup sihat?*



# Bercakaplah mengenai… **Belajar sambil bermain**

Melalui permainan, kanak-kanak boleh:

- memahami dunia mereka;
- mengembang dan menerokai minat dan idea-idea mereka sendiri;
- mengembangkan sifat ingin tahu, daya kreatif dan kemahiran untuk menyelesaikan masalah; dan
- membina jalinan hubungan, kemahiran sosial dan bahasa.

Para pendidik memainkan peranan yang cukup penting di dalam menyokong kegiatan permainan dan pembelajaran. Kegiatan permainan kanak-kanak amat diperkayakan apabila ianya menerima penglibatan langsung daripada para pendidik sekalian. Dengan melibatkan diri di dalam kegiatan permainan, para pendidik akan dapat menyokong, membimbing dan melanjutkan kegiatan permainan dan pembelajaran kanak-kanak semasa ianya sedang berlangsung.

*Fikirkanlah mengenai peranan anda sebagai seorang pendidik dan bagaimana caranya anda melibatkan diri anda di dalam kegiatan permainan kanak-kanak.*

*Bincangkanlah apakah sebenarnya nilai kepentingan penglibatan seseorang pendidik di dalam kegiatan permainan sebegini.*

*Apakah strategi-strategi yang paling berjaya di dalam usaha untuk melanjutkan kegiatan permainan kanak-kanak dan yang dapat menggalakkan pemikiran dan pembelajaran yang lebih kompleks? Bagaimanakah anda dapat menyertai dan membimbing kegiatan permainan kanak-kanak tanpa mengambilalihkannya? Bolehkah anda berkongsi nilai kepentingan kegiatan permainan ini dengan para keluarganya sekalian?*



# Bercakaplah mengenai…
## **Kepelbagaian**

Menghormati kepelbagaian bererti … menghargai dan menilai-kembali praktik-praktik, nilai-nilai dan kepercayaan para keluarga sekalian". (*Early Years Learning Framework*, hlm. 13).

Untuk mewujudkan satu perasaan penerimaan yang sebenar, kita perlu menunjukkan perasaan hormat dan persefahaman terhadap setiap kanak-kanak, dan latar belakang, budaya, dan kepercayaan yang unik bagi setiap keluarga.

Dengan mengalu-alukan dan sama-sama menerima kepelbagaian, kami akan membantu setiap kanak-kanak dan ahli keluarganya untuk merasai sebahagian daripada perkhidmatan kami. Kita juga akan dapat memperlihatkan bahwa kepelbagaian merupakan sesuatu yang patut dihargai.

*Fikirkanlah mengenai kanak-kanak dan keluarga-keluarga yang anda uruskan di dalam pekerjaan anda. Bagaimanakah anda memastikan agar para keluarga ini berasa bahwa mereka dialu-alukan dan diterima?*

*Bagaimanakah kanak-kanak dan keluarga-keluarga ini akan dapat memperlihatkan pencerminan diri mereka sendiri di dalam apa yang anda lakukan?*

*Bagaimanakah apa yang anda lakukan dapat mempercontohkan sikap menghormati kepelbagaian orang lain, khususnya kanak-kanak?*


HOLDEN

# Bercakaplah mengenai…
# **Jalinan persahabatan dengan para keluarga**

"Kanak-kanak berkembang maju apabila para keluarga dan pendidik bekerjasama di dalam sebuah jalinan persahabatan yang menyokong pembelajaran kanak-kanak kecil". (*Early Years Learning Framework*, hlm.9).

Jalinan persahabatan dengan keluarga bermula dengan hubungan persahabatan yang kuat. Berkongsi sesuatu yang bermakna mengenai kegiatan seharian si anak adalah suatu cara yang hebat bagi mewujudkan jalinan tersebut. Para keluarga sudah sememangnya mempunyai kepentingan terbaik anak mereka di dalam hati sanubari mereka. Apabila mereka dapat melihat bahwa kami juga bersifat begitu, ianya akan membantu kami untuk membina kepercayaan dan rasa hormat dengan mereka.

*Fikirlah kembali cara bagaimana anda berkongsi maklumat dengan keluarga kanak-kanak ini. Bincangkanlah, sebagai sebuah pasukan, jenis maklumat yang anda sampaikan, dan adakah ianya bermakna?*

*Adakah ianya memberikan pandangan mendalam mengenai pembelajaran seseorang kanak-kanak atau adakah ianya dapat menyampaikan apakah yang istimewa mengenai kegiatan hari tersebut?*

*Adakah ianya menunjukkan bahwa anda sememangnya berminat terhadap, dan juga sememangnya mengetahui mengenai setiap kanak-kanak di bawah jagaan anda?*

*Adakah ini akan menjalinkan hubungan dengan para keluarga sekalian?*